

Abidin

e-Buletin Pusat Alumni UniSZA Edisi 02/2021

ISTIQAHAH BERSILATURAHIM





01

Kata Aluan Naib Canselor UniSZA

Ucapan aluan oleh Profesor Dato' Dr Hassan Basri Bin Awang Mat Dahan



13

Temubual Bersama YM Tengku Nordin Tengku Salim

Temubual eksklusif bersama dengan mantan Timbalan Pengarah KUSZA.



Sidang Pengarang Abidin

Ketua Editor

Prof. Dr. Wan Norhayate Wan Daud

Editor

Syed Mohd Azmi bin Syed Ab. Rahman
Zauriah binti Embong

Wartawan

Zauriah bt Embong
Nur Aklima binti Mohamad
Muhammad Nasarudin bin Ramli

Pereka bentuk

Mohd Izwan Hafizuddin bin Suhaimi (Pelajar Praktikal)

Fotografi

Muhammad Ariff bin Azmi

Pembaca Pruf

Nazilah binti Mohamad
Mohd Faradi bin Mohamed Ghazali

KANDUNGAN

- 01 Kata Aluan Naib Canselor UniSZA
- 02 Kata Aluan Timbalan Naib Canselor HEPA
- 03 Bengkel Pelan Perancangan Strategik Pusat Alumni Tahun 2021 - 2023
- 05 Alumni Career Talk
- 07 Bicara Alumni
- 08 Kuliah Online Ambang Ramadan
- 10 Kuliah Ramadan Alumni
- 11 Program Infak Ramadan Alumni dan AI-Ikhsan Sports
- 13 Temubual Bersama YM Tengku Nordin Tengku Salim
- 17 Ikon Alumni
- 19 Berkenalan dengan Persatuan Alumni UniSZA
- 25 40 Tahun Azan Berkumandang di Bumi Abidin



14

Program Infak Ramadan Alumni & AI-Ikhsan Sports

Menyantuni warga emas di Kg Mengabang Telung, Kuala Nerus bersama AI-Ikhsan Sports.



25

Majlis Idul Ilmi Pertama KUSZA

Gambar kenangan Graduan Sulung diabadikan di dalam e-Buletin Pusat Alumni UniSZA Edisi 02/2021.



Kata Aluan Naib Canselor UniSZA

Tahniah kepada Pusat Alumni (ACe UniSZA) atas kejayaan menerbitkan Buletin Alumni ini. Diharapkan buletin ini akan mampu menjadi perantara yang berkesan untuk istiqamah bersilaturahim di antara UniSZA dengan alumni.

Ibarat setiap pengembara mempunyai sebuah kediamannya dan dia menghargai kediamannya lebih dari pengembaraannya. Apabila kita melihat ke belakang untuk sementara waktu, ia lebih menenangkan jiwa, dan menjadikannya lebih segar dan gagah untuk melihat ke hadapan. Begitulah ibarat tidak terpisah Alumni dengan institusi tempatnya menimba ilmu.

Sekarang merupakan masa yang terbaik untuk alumni balik ke kediamannya. Wahai Alumni, kami menunggu kepulangan anda semua #GivingBacktoAlmaMater.

Sekian, Terima Kasih.
Wassalam

**Profesor Dato' Dr Hassan Basri
Bin Awang Mat Dahan
Naib Canselor, UniSZA**

Kata Aluan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Semoga penerbitan buletin ini akan mampu menjadi perantara yang berkesan untuk istiqamah bersilaturahim di antara UniSZA dengan alumni.

Saya sangat berharap agar semua alumni kembali dan mengeratkan hubungan silaturahim dengan warga fakulti yang pernah menjadi gedung menekuni ilmu satu ketika dahulu dan ia sebagai wadah untuk anda menyumbang kepada fakulti serta UniSZA.

Mari, suburkan budaya bertanya khabar dan menjalinkan hubungan baik kita di kala zaman belajar melalui #IstiqamahBersilaturahim dan #JomKembaliMasukKampus serta menyumbang kembali sesuatu yang termampu di tempat barokah kita menuntut ilmu suatu ketika dahulu.

Wassalam

**Profesor Dr. Mohd Afandi bin Salleh
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniSZA**



Bengkel Pelan Perancangan Strategik

Pusat Alumni Tahun 2021-2023

fokus utama dalam bengkel ini ialah tadbir urus, data alumni, libat sama alumni serta penajaan dan pendanaan

Pusat Alumni UniSZA (ACe UniSZA) menganjurkan bengkel Pelan Perancangan Strategik Tahun 2021-2023 pada 19 hingga 20 Disember 2020 bertempat di Smart Classroom, Perpustakaan UniSZA. Menurut Pengarah ACe UniSZA, Prof. Dr. Wan Norhayate bt. Wan Daud, objektif utama bengkel ini adalah untuk memuktamadkan visi, misi dan objektif Pusat Alumni di samping untuk merangka pelan perancangan strategik ACe UniSZA bagi tahun 2021-2023. Beliau berharap bengkel ini akan dapat membantu ACe UniSZA dalam membuat perancangan yang holistik, meneliti proses pengoperasian kerja yang sistematik serta mengenal pasti strategi pemantauan yang berkesan.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Dr. Azmi bin Omar, Ahli Lembaga Pengarah Universiti (mewakili Alumni). Dalam ucapan perasmiannya, beliau mengharapkan alumni mampu menjadi teladan yang baik dalam memberi sumbangan kepada pembangunan UniSZA di samping menyumbang kepada kemajuan masyarakat. Beliau juga mengharapkan alumni meningkatkan lagi hubungan silaturahim sesama alumni terutamanya dalam membantu alumni yang kurang bernasib baik. Bengkel selama tiga hari ini disertai oleh seramai 20 orang alumni yang terdiri daripada wakil Persekutuan Alumni UniSZA di samping alumni terpilih yang mewakili pelbagai kohod pengambilan.

Empat teras utama ACe UniSZA yang menjadi fokus utama dalam bengkel ini ialah tadbir urus, data alumni, libat sama alumni serta penajaan dan pendanaan.

Pada hari terakhir bengkel, peserta berkesempatan mengadakan sesi pertemuan bersama Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Dalam pertemuan ini, Pengarah Alumni telah memaklumkan hasil bengkel tersebut. Naib Canselor UniSZA mengharapkan alumni dapat meningkatkan lagi sumbangan dalam menjadikan UniSZA sebagai sebuah universiti awam yang berwibawa.



**Encik Amar Arafat
bin Ramlee**

**Pengurus Perkhidmatan
Undang-undang,
Tenaga Nasional Berhad**

Alumni Career Talk

Pusat Alumni UniSZA menganjurkan program *Alumni Career Talk* yang berlangsung pada 22 April 2021 secara dalam talian melalui *Facebook Live*. Penceramah bagi program ini ialah Encik Amar Arafat bin Ramlee, Pengurus Perkhidmatan Undang-undang Tenaga Nasional Berhad yang merupakan alumni Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, UniSZA.

Tajuk ceramah yang disampaikan ialah 'Bekerjaya di Government Linked Companies (GLC): Kemahiran Patut Graduan Miliki'. Peserta program terdiri daripada pelajar tahun akhir daripada pelbagai fakulti di UniSZA. Selain tip kesediaan untuk bekerja kepada bakal graduan penceramah juga memberi pendedahan berkaitan tip keterampilan sendiri yang perlu dimiliki oleh setiap bakal graduan apabila menempuh alam pekerjaan nanti yang memerlukan graduan *Industry-Ready Graduates*.

Bicara Alumni

Pusat Alumni menganjurkan program 'Bicara Alumni' yang berlangsung pada 1 hingga 2 Februari 2021 secara dalam talian. Program ini merupakan platform berkala yang disediakan oleh Pusat Alumni kepada semua alumni bagi tujuan berkongsi kepakaran kepada masyarakat khususnya kepada pelajar UniSZA. Ia bukan sahaja perkongsian ilmu pengetahuan, alumni juga digalakkan berkongsi pengalaman dalam pekerjaan.

Pada kali ini, program 'Bicara Alumni' menjemput dua orang alumni dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam iaitu Dr. Fauzi bin Yusoh dan Prof. Madya Dr. Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar untuk memberi ceramah. Dalam ceramah Dr. Fauzi bin Yusoh, beliau berkongsi tips lima amalan 'Tabiat Sunnah Rasulullah' agar sihat dan cergas apatah lagi pada masa kini dunia sedang menghadapi wabak pandemik Covid-19.



Dr Fauzi Yusoh

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar mengupas tajuk 'Jalan Kemenangan' yang membicarakan mengenai ummah Islam yang perlu istiqamah dalam melakukan sesuatu perkerjaan yang dipertanggungjawabkan kepadanya dalam mencapai jalan kemenangan yang hakiki.

Prof. Madya Dr. Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar

Kuliah Online Ambang Ramadan

Pusat Alumni, UniSZA dengan kerjasama Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dan Persatuan Alumni Pengajian Islam menganjurkan 'Kuliah Online Ambang Ramadan'. Program berbentuk perkongsian ilmu secara dalam talian telah diadakan pada 11-12 April 2021. Ceramah ini telah disampaikan oleh alumni dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Prof. Madya Dr. Wan Mohd Yusof Wan Chik



Ustaz Ahmad Termizi Taha

yang bertajuk 'Maqasid Syariah Pensyariaan Puasa'. Ustaz Ahmad Termizi bin Taha pula dengan ceramah bertajuk 'Isu-Isu Kontemporari Berkaitan Puasa' yang berkongsi mengenai peringatan dan senarai semak persediaan menyambut bulan ramadan kepada pendengar.

Prof Madya Dr Wan Mohd Yusof Wan Chik






*fokus utama
dalam bengkel
ini ialah tadbir
urus, data
alumni, libat
sama alumni
serta penjanaan
dan pendanaan*

Kuliah Ramadan Alumni

Pusat Alumni dengan kerjasama Jawatankuasa Persatuan Alumni Pengajian Kontemporari Islam dan Persatuan Alumni UniSZA telah menganjurkan Program Kuliah Ramadan Alumni UniSZA secara dalam talian yang berlangsung sepanjang bulan Ramadan. Penceramah bagi program ini terdiri daripada alumni UniSZA yang berkhidmat dalam kampus dan juga alumni yang bertugas di luar UniSZA.

Objektif program ini adalah untuk memperkasa interaksi Alumni UniSZA dengan masyarakat bersempena meraikan keagungan bulan Ramadan. Di samping itu, program ini juga mengambil manfaat kehebatan infak dalam bulan yang mulia ini dengan memberi ruang kepada semua alumni meningkatkan sumbangan kepada UniSZA.

Program ini banyak memberikan impak positif kepada pendengar kerana antara inti pati ceramah adalah mengenai keistimewaan Ramadan dan cara terbaik untuk memaksimumkan manfaat dalam bulan yang mulia ini. Program ini juga memberi peluang kepada semua alumni dalam meraih pahala infak di bulan Ramadan.



**Ustaz Ahmad Jazlan
bin Mat Jusoh**
Kuliah Ramadan Alumni



PROGRAM INFAK RAMADAN ALUMNI DAN AL-IKHSAN SPORTS

Pusat Alumni UniSZA (ACe UniSZA) bersama rakan industri strategik Al-Ikhsan Sports menganjurkan program Infak Ramadan Alumni dan Al-Ikhsan Sports pada 23 April lalu. Program yang julung kali dianjurkan ini melibatkan pelajar UniSZA dan juga komuniti dari Kampung Mengabang Telung, Kuala Nerus Terengganu. Program ini diketuai oleh Prof. Dr. Wan Norhayate Wan Daud, Pengarah ACe UniSZA manakala Al-Ikhsan Sports diwakili oleh Encik Muhammad Alif Ismail, Eksekutif Hal Ehwal Korporat yang juga merupakan alumni UniSZA.

Kampung Mengabang Telung dipilih untuk menerima pengagihan infak ini. Pemberian dilakukan secara rumah ke rumah. Sumbangan ini dapat meringankan beban kewangan penerima yang terdiri dalam kalangan warga emas dari kampung tersebut. Setiap penerima diberikan satu bakul makanan dan wang tunai. Program Infak Ramadan Alumni-Al-Ikhsan Sports berakhir dengan penyampaian Tapau al-Iftar kepada 30 orang pelajar UniSZA dalam kalangan B40.





Temubual Bersama YM TENGKU NORDIN TENGKU SALIM

YM Tengku Nordin Tengku Salim merupakan antara kakitangan ambilan pertama Sekolah Pengajian Pengurusan (SPP) Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan pernah menjawat jawatan sebagai Dekan Sekolah Pengurusan dan Timbalan Pengarah KUSZA. Berikut adalah temubual Alumni UniSZA bersama beliau.

Bolehkah YM Tengku terangkan secara terperinci sejarah penubuhan KUSZA secara umum dan SPP secara khususnya?

Terima kasih saya ucapkan kepada Pusat Alumni yang sudi mengunjunginya dan memberi ruang untuk mengemukakan pandangan saya berkaitan dengan legitimasi dan legasi Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan UniSZA. Penubuhan KUSZA merupakan manifestasi kecaknaan kerajaan Terengganu di bawah pimpinan Allahyarham Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan al-Marhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah ibn al-Marhum Sultan Zainal Abidin terhadap kepentingan ilmu pengetahuan sebagai katalis untuk membangunkan negeri Terengganu Darul Iman.

Pada peringkat awal penubuhan KUSZA, ia hanya menawarkan kursus untuk peperiksaan awam seperti SPM dan STPM. Ketika itu, KUSZA menjadi rebutan pelajar aliran Sekolah Agama di Terengganu yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) tetapi gagal melanjutkan pelajaran di sekolah berasrama penuh seperti Kolej Islam Klang. Pandangan jauh pengurusan KUSZA serta sokongan kerajaan Terengganu membolehkan KUSZA kemudiannya menawarkan program pengajian pada peringkat Diploma dalam bidang pengajian Islam, pengurusan dan perniagaan, teknologi maklumat, undang-undang, industri teknologi dan kejururawatan. Saya diambil bekerja di KUSZA pada tahun 1985 untuk mereka bentuk kurikulum bagi beberapa kursus pengurusan dan perniagaan untuk ditawarkan kepada pelajar yang

mengikuti program Diploma Pengajian Islam (Syariah, Usuluddin dan Bahasa Arab) pada ketika itu. Namun begitu, beberapa orang Ahli Majlis KUSZA ketika itu antaranya Tan Sri Arshad Ayub, Allahyarham Prof. Dr. Nik Rashid Nik Ismail dan Prof. Dr. Hamzah Ismail telah mencadangkan supaya KUSZA menawarkan program pengajian pengurusan dan perniagaan di peringkat diploma.

Dalam tempoh enam (6) bulan KUSZA berjaya menawarkan lima (5) program Diploma iaitu Diploma Kewangan, Diploma Pemasaran, Diploma Personel, Diploma Perakaunan dan Diploma Perdagangan Antarabangsa di bawah kelolaan Sekolah Pengajian Pengurusan. Kemudian, beberapa bulan selepas itu, dua (2) tambahan program ditawarkan iaitu Diploma Bank dan Diploma Insurans.

Falsafah KUSZA ialah “Membentuk Generasi Muslim Yang Bertaqwa Melalui Ilmu Iman Amal dan Akhlak”. Pohon YM Tengku gariskan dasar KUSZA untuk merealisasikan falsafah yang holistik ini.

Kerajaan Terengganu berazam untuk menjadikan KUSZA sebagai sebuah pusat pengajian tinggi yang bercirikan holistik dengan pendekatan integrasi dan Islamisasi ilmu. Hal ini bertepatan dengan resolusi Kongres Pendidikan Islam Sedunia yang diadakan di Makkah pada tahun 1977. Iltizam ini dizahirkan dengan penggabulan Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Enakmen Bil. 3 1981) yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 22 Ogos 1981.

Berasaskan enakmen tersebut, Majlis KUSZA dan beberapa jawatankuasa di bawah kendalian Majlis KUSZA telah ditubuhkan. Komposisi ahli jawatankuasa yang dianggotai oleh cerdik pandai dalam bidang agama, pengurusan dan perniagaan dan industri. Jawatankuasa ini banyak membantu KUSZA dalam mereka bentuk kurikulum yang holistik dan bersesuaian dengan keperluan industri mengikut acuan yang telah ditetapkan oleh KUSZA. Mereka juga menjadi penasihat dalam usaha KUSZA merangka pembangunan kampus, merangka perjawatan dan hal-hal lain.

Gabungan antara Kursus Teras dan Pengkhususan serta Kursus KUSZA yang terdiri dari kursus asas Pengajian Islam, Pengurusan dan kemahiran insaniah telah berjaya melahirkan alumni yang menguasai ilmu fardu ain dan kifayah dengan begitu baik. Selain itu, aktiviti sokongan terutama yang digerakkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan kursus berkredit kokurikulum menambahkan lagi kehebatan profil alumni KUSZA. Di samping itu, melalui pertubuhan persatuan

pelajar pula, mereka digilap keterampilan kepimpinan dan kemahiran insaniah yang tidak diajar di dalam dewan kuliah.

Dalam usaha membangunkan KUSZA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang tersohor, sudah pasti banyak kenangan manis dan pahit dilalui oleh warga KUSZA. Bolehkah YM Engku kongsi pengalaman tersebut sebagai rujukan?

Menubuhkan sebuah institusi pendidikan di bawah kelolaan kerajaan negeri merupakan satu cabaran yang besar kerana secara dasarnya ia merupakan tanggungjawab kerajaan persekutuan. KUSZA pada saya adalah institusi pengajian tinggi Islam yang terawal ditubuhkan oleh kerajaan negeri dan pasti banyak perkara baharu akan dihadapi. Kerjasama setiap warga KUSZA untuk membangunkan KUSZA amat membanggakan saya. Semangat kekitaan amat tinggi sesama staf dan pelajar. Hubungan KUSZA dengan kerajaan Terengganu amat baik walau pun kadang kala berhadapan dengan masalah terutamanya berkaitan dengan peruntukan bajet tahunan dan perjawatan.

Walau bagaimana pun, terdapat juga perkara yang mengecewakan berlaku seperti; Politik dalam berorganisasi, kompetensi warga kerja, serta kenakalan remaja di kalangan pelajar sedikit sebanyak merencat kelancaran pembangunan KUSZA. Selain itu, saya menzahirkan rasa syukur dan bertuah kerana KUSZA mempunyai jaringan hubungan yang akrab dengan cendekiawan dalam dan luar negara. Mereka banyak memberi tunjuk ajar, panduan dan nasihat secara percuma dalam pembangunan KUSZA di samping membuka jalan kepada graduan KUSZA melanjutkan pelajaran di universiti di Timur Tengah,

Eropah dan juga Amerika Syarikat. Beberapa nama seperti al-Marhum Tan Sri Prof. Dr. Muhammad Abdul Rauf, al-Marhum Ismail al-Faruqi, Prof. Dr. Mohammad al-Saad Farhud (Rektor Universiti al-Azhar) dan lain-lain sentiasa dekat dengan KUSZA pada masa itu.

Apakah pandangan dan harapan YM Engku terhadap Alumni UniSZA?

Ketika di era KUSZA, gabungan antara aktiviti akademik dan kokurikulum berkredit bersekali dengan aktiviti tidak berkredit disepadukan secara holistik. Hal ini telah berjaya melahirkan alumni yang unik kerana graduan mampu menguasai ilmu fardu ain dan kifayah secara serentak. Saya yakin dengan penguasaan ilmu ini, alumni mampu menjadi ketua keluarga yang baik, warga kerja yang cekap dan efisien dan warga negara yang berguna. Saya juga menyeru kepada semua alumni, agar memperoleh kerjaya yang baik, mampu mengumpul duit yang banyak, dan perbanyakkan amalan sedekah serta jangan lupa selitkan sebahagian amalan sedekah itu untuk menyumbang kepada UniSZA.

“
Alumni mampu menjadi ketua keluarga yang baik, warga kerja yang cekap dan efisien dan warga negara yang berguna.”

Temubual Bersama **YM TENGKU NORDIN TENGKU SALIM**

**Apakah pandangan dan harapan
YM Engku terhadap peningkatan
taraf KUSZA kepada UniSZA?**

Perasaan saya mestilah gembira apabila KUSZA dinaikkan taraf menjadi Universiti Darul Iman (UDM) pada ketika itu. Cuma saya khuatir dan risau roh KUSZA yang berpaksikan al-Din akan terhakis dalam kerangka baharu universiti. Namun, saya akur dengan dasar kerajaan dengan harapan nilai legasi KUSZA dikekalkan.



Saya juga amat berharap dan mencadangkan agar hasil penyelidikan pensyarah mestilah mempunyai nilai komersil dan dapat dimanfaatkan kepada masyarakat. Selain itu, input agama dan nilai murni yang menjadi kebanggaan warga KUSZA suatu ketika dahulu dijadikan asas dalam pembangunan identiti UniSZA. Jadilah universiti yang cemerlang agar dihormati masyarakat, di samping saya juga mengharapkan semua warga UniSZA menjaga solat dan kesihatan sebagai satu keutamaan.

Ikron Alumni

Dato' Dr Shakir Husien bin Kalid

**Pengasas & Pengarah Urusan
Syarikat Shamawar**

Maklumat Pendidikan

Diploma Pengajian Islam (Dakwah) di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), 1989

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Arab di Universiti Al-Azhar, 1992

Sarjana Akidah dan Pemikiran Islam di Universiti Malaya, 2003

Doktor Falsafah (PhD) Kepimpinan dan Pengurusan, USIM

Program Eksekutif *CEO Master League*, University Cranfield, UK

Program Eksekutif Pembangunan Usahawan Negara, MARA

Maklumat Kerjaya

Pengerusi/ Pemegang Amanah di Yayasan Wardatul Jannah

Kumpulan Pengasas & Bendahari Agung Malaysia Relief Agency

Ahli Lembaga Perunding Malaysia Produktiviti Malaysia (MPC)

Ahli Lembaga Penasihat Malaysia International Tae Kwan Do (MITF) Majlis Sukan Negara

Panel Pelaksana Perintis Industri Menengah Atas, Kementerian Pendidikan Malaysia

Ahli Lembaga persatuan Elektrik dan Mekanikal Malaysia

Ahli Lembaga Pengarah UniSZA Holding Sdn Bhd.



Ikron Alumni

Hisham bin Mohamad

**Pengurus Besar, Logistics, PETRONAS Chemical Group
Chief Executive Officer, Kerteh Port Sdn Bhd**

Maklumat Pendidikan

Diploma Perdagangan Antarabangsa di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, 1990

Bachelor in Maritime Commerce di University of Wales, Cardiff, United Kingdom, 1994

Sarjana Peniagaan dan Pemasaran Antarabangsa di Universiti Malaya, 2007

Maklumat Kerjaya

Penyelia Operasi di Union Air Transport, Subang Jaya 1991

Eksekutif Bekalan & Operasi di Petronas Trading Corp Sdn Bhd 1994-1998

Eksekutif Kanan di Petronas Trading Corp Sdn Bhd 1998-2002

Pengurus (Perdagangan) Produk Petroleum di Petronas Trading Corp Sdn Bhd 2002-2004

Pengurus (Chartering) di Petronas Trading Corp Sdn Bhd 2004-2007

Ketua, Japan Country Office di Petronas Mitco Japan 2007-2009

Pengurus Kanan, Jabatan Produk Perindustrian di Petronas Mitco Japan 2010-2011

Ketua Pengurus Kanan, Vinyl Business di Petronas Chemical Marketing, PCG 2011-2012

Ketua Operasi, Jabatan Bekalan & Logistik di Petronas Chemical Marketing, 2012-2014

Ketua Pemasaran dan Jualan di Petronas Chemical Marketing, 2014-Jun 2018

Timbalan Pengarah Pengurusan Perniagaan BASF Petronas Chemicals Sdn Bhd 2018 - 2020





PRESIDEN

TN HJ MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN
saharmdin@gmail.com

Tahun Graduat:
1991 KUSZA
Diploma Pengajian Islam
(Dakwah)

Jawatan Sekarang:
CEO,
Bulatan Mekar Sdn Bhd



NAIB PRESIDEN

DATO' DR. SHAKIR HUSEIN BIN KALID
shakir@shamawar.com.my

Tahun Graduat:
1986 KUSZA
Diploma Pengajian Islam
(Dakwah)

Jawatan Sekarang :
Pengarah Urusan,
Syarikat Shamawar



SETIAUSAHA

TN HJ ZAID BIN ABD MAJID
zaidmajid44@gmail.com

Tahun Graduat:
1989 KUSZA
Diploma Perakaunan

Jawatan Sekarang:
Penolong Pegawai PPD,
PPD Tangkak



PENOLONG SETIAUSAHA

ROZIANA SALIM
zianacomel@gmail.com

Tahun Graduat:
1989 KUSZA
Diploma Perakaunan

Jawatan Sekarang:
Penolong Kanan,
Maybank



BENDAHARI

EN LOKMAN IZUDDIN BIN ABDUL WAHID
lokman.wahid@gmail.com

Tahun Graduat:
1991 KUSZA
Diploma Pemasaran

Jawatan Sekarang:
Bekerja Sendiri

Persatuan Alumni UniSZA

Istiqamah Bersilaturahmi



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

**PROF TS DR SAIFUL
BAHRI BIN MOHAMAD**
drsepol@gmail.com

Tahun Graduat:
1989 KUSZA
Dip. Teknologi Pembuatan
Jawatan Sekarang:
Profesor, UniSZA



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

**EN ABDUL HALIM
BIN ABDULLAH**
abhalimabdullah.aha@gmail.com

Tahun Graduat:
1983 KUSZA
Sijil Pelajaran Malaysia
Jawatan Sekarang:
Ketua Penyeliaan &
Pemantauan



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

**DR ABD RAUF BIN
TAN SRI HASSAN**
raufhassan2011@gmail.com

Tahun Graduat:
1992 KUSZA
Diploma Bahasa Arab dan
Kesusasteraan
Jawatan Sekarang:
Pensyarah, UPM



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

**DR AB RAHIM BIN
IBRAHIM**
abibrahim606@gmail.com

Tahun Graduat:
1991 KUSZA
Diploma Bahasa &
Kesustareaan Arab
Jawatan Sekarang:
Pensyarah Kanan, UTeM



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

TN HJ AMIR BERAU
amirberau@gmail.com

Tahun Graduat:
1992 KUSZA
Diploma Bahasa Arab
Dengan Pendidikan
Jawatan Sekarang:
Pengetua, SBP Integrasi
Jempol, Negeri Sembilan



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

**DR HAJI AHMAD
SHAHIR BIN MAKHTAR**
chemad70@yahoo.com

Tahun Graduat:
1991 KUSZA
Diploma Dakwah
Jawatan Sekarang:
Setiausaha Majlis Agama
Islam Selangor

Alumni in the spotlight



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

EN MOHD SIDKI HASAN
sidkihasan@yahoo.com

Tahun Graduat:
1990 KUSZA
Diploma Perakaunan
Jawatan Sekarang:
Naib Presiden
Integriti & Pengurusan Risiko
TRX City Sdn Bhd



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

**TN HJ WAN ZULKIFLY
BIN WAN ZAKARIA**
wanzul70@gmail.com

Tahun Graduat:
1989 KUSZA
Diploma Pendidikan Islam
(Syariah)
Jawatan Sekarang:
Pensyarah, Politeknik Nilai



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

**EN KIRAWAN ZEISWAR
BIN KAMAROLZAMAN**
k.zeiswar@gmail.com

Tahun Graduat:
1991 KUSZA
Diploma Perdagangan
Antarabangsa
Jawatan Sekarang:
Division Head, Freight
Forwarding, Kontena Nasional



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

PN JU ARIANA IBRAHIM
juarinaibrahim@gmail.com

Tahun Graduat:
2015 UniSZA
Ijazah Sarjana Muda
Bioteknologi Pertanian
Jawatan Sekarang :
Pelajar PhD



**AHLI MAJLIS
TERTINGGI**

**EN ADLI HARITH BIN
MAHYUDDIN**

Tahun Graduat:
2018 UniSZA
Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Islam (Dakwah)
Jawatan Sekarang:
Setiausaha Eksekutif
Dewan Perdagangan Islam
Malaysia



EXCO

**YM ENSKU INTAN
ZAHARA ENSKU MOHSIN**
zahramohsin68@gmail.com

Tahun Graduat:
1985 KUSZA
Persijilan
Jawatan Sekarang :
Chairman, True Touch
Solution Sdn Bhd, True Water
Technology Sdn Bhd dan
True Farm Synergy



EXCO

DATO' SERI SUHAIMI BIN HASHIM
datoserisuhaimi@platinumoil.com

Tahun Graduat:
1990 KUSZA
Diploma Pemasaran
Jawatan Sekarang:
Presiden/CEO,
Platinum Oil & Gas Sdn Bhd



EXCO

DATO' SERI AMLI BIN EMBONG
amli.embong@gmail.com

Tahun Graduat:
KUSZA
Diploma Bahasa &
Kesusasteraan Arab
Jawatan Sekarang:
Peguambela & Peguamcara
Tetuan Amlı & Associates



EXCO

DATO' MUHAMMAD HAIZUAN BIN ROZALI

Tahun Graduat:
1989 KUSZA
Diploma Pengajian Bahasa
& Kesusasteraan Arab
Jawatan Sekarang:
Pendaftar, USM



EXCO

DATO' HJ AHMAD FAISAL BIN HJ MOHAMED

Tahun Graduat:
1991 KUSZA
Diploma Pengajian Bahasa
& Kesusasteraan Arab
Jawatan Sekarang:
Timbalan Mufti Negeri Johor



EXCO

TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN YUSOFF

Tahun Graduat:
1990 KUSZA
Diploma Pengajian
& Bahasa Arab
Jawatan Sekarang:
Ketua Pegawai Eksekutif,
Pusat Pungutan Zakat,
Majlis Agama Islam Wilayah
Persekutuan (MAIWP)



EXCO

YM SYED MOHD AZMI BIN SYED AB RAHMAN
smazmi@unisza.edu.my

Tahun Graduat:
1985 KUSZA
Diploma Pengajian Islam
(Syariah)
Jawatan Sekarang:
Pensyarah Kanan, UniSZA

Time to give back



EXCO

EN HISHAM BIN MOHAMAD

Tahun Graduat:
1990 KUSZA
Diploma Perdagangan
Antarabangsa
Jawatan Sekarang:
Pengurus Besar, Logistics,
PETRONAS Chemical Group.



EXCO

EN ZAINAL RASHID BIN ZAKARIA
zainal@ypm.org.my

Tahun Graduat:
1993 KUSZA
Diploma Pengajian Personel
Jawatan Sekarang:
Ketua, Bahagian
Pembangunan Dana, YPM



EXCO

TN HJ MOHD FAUZI BIN MUSTAFFA
ustazmohdfauzi@gmail.com

Tahun Graduat:
1989 KUSZA
Diploma Pengajian Islam
Usuluddin
Jawatan Sekarang:
Ahli Lembaga Pemegang
Amanah YDSM



EXCO

ARIEF ISKANDAR BIN MOHAMMAD SHUKRI
ariefiskandar@hasil.gov.my

Tahun Graduat:
2012 UniSZA
Diploma Kewangan
Jawatan Sekarang:
Penolong Eksekutif Hasil,
LHDN



PEMERIKSA KIRA-KIRA 1

EN HUSSIN BIN GHANI
hussing@gmail.com

Tahun Graduat:
1989 KUSZA
Diploma Perdagangan
Antarabangsa
Jawatan Sekarang:
Pengurus Besar,
Koperasi Ampang Jaya Bhd



PEMERIKSA KIRA-KIRA 2

WAN MOHD ROZI BIN WAN HUSIN
Oneqmas@gmail.com

Tahun Graduat:
1989 KUSZA
Diploma Perakaunan
Jawatan Sekarang:
Pengurus
Qmas Trading

40 tahun azan
berkumandang
di bumi Abidin





Kampus KUSZA tahun 90an

*Tempat jatuh lagi dikenang,
Inikah pula tempat bermain.*



**Majlis Perletakan Batu Asas
Kampus KUSZA**

Majlis disempurnakan oleh Almarhum Sultan
Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Al-Haj ibni
Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah Al-Haj







Majlis Idul Ilmi Kali Pertama KUSZA

Graduan sulung bergambar kenangan
semasa Majlis Idul Ilmi Kali Pertama
KUSZA pada 26 September 1985.



Majlis Idul Ilmi Kali Pertama KUSZA

Para graduan dan pensyarah di Majlis Idul Ilmi Kali Pertama KUSZA.

A group of graduates, both men and women, are standing in a line in a hall. The women are wearing white hijabs and long-sleeved blouses, while the men are wearing white shirts and dark trousers. They are standing behind rows of red plastic chairs. The background shows a dark room with curtains and a fluorescent light fixture on the ceiling.

Graduan Sulung

Graduan sulung KUSZA di Majlis Idul
Ilmi Kali Pertama KUSZA.



Nostalgia KUSZA

Tan Sri Dato' Sri Dr. Yusof bin Haji Md Noor
memberikan ucapan di Majlis Idul Ilmi.



كوليج اڤڤاڤر سيناڤطان زين العابدين

kolej agama sultan zainal abidin

<http://www.kusza.edu.my>

Nostalgia KUSZA

Pintu pagar utama KUSZA yang tidak jemu menyambut kepulangan pelajar setiap kali pulang daripada cuti semester.



Nostalgia KUSZA

Kafe yang terletak di antara Blok E dan Blok F menjadi tempat kunjungan utama pelajar dan pensyarah ketika waktu rehat.



Menggamit kenangan

Bas yang suatu ketika dahulu banyak menabur jasa kepada seluruh warga KUSZA.

مكتبة المختار

PERPUSTAKAAN AL-MUKHTAR





Perpustakaan Al-Mukhtar

Di sinilah kami bersama-sama menimba ilmu,
menjadi bekal di hari dewasa.

Warga ACe

PUSAT ALUMNI UnisZA

PENGARAH

Prof. Dr. Wan Norhayate binti Wan Daud

Tel. Pej : 09-6688213

wnhayate@unisza.edu.my

TIMBALAN PENGARAH

Syed Mohd Azmi bin Syed Ab Rahman

Tel. Pej : 09-6688114

Email : smazmi@unisza.edu.my

PEGAWAI TADBIR

Zauriah binti Embong

Tel. Pej : 09-6688872

Email : zauriah@unisza.edu.my

PENOLONG PEGAWAI TADBIR

Nur Aklima binti Mohamad

Tel. Pej : 09-6688809

Email : aklimamohamad@unisza.edu.my

PEMBANTU TADBIR (P/O)

Muhammad Nasarudin bin Ramli

Tel. Pej : 09-6688714

Email : nasarudinramli@unisza.edu.my

PEMBANTU OPERASI

Muhammad Ariff bin Azmi

Tel. Pej : 09-6687650

Email : ariff@unisza.edu.my



AlumniUniSZA





TRACE@UniSZA

Pusat Alumni UniSZA (ACe)
mengalu-alukan seluruh Alumni UniSZA
untuk mendaftar dan mengemaskini
maklumat di pautan:

<https://bit.ly/DaftarDanKemaskini>

**Semoga ikatan ukhuwah Alumni UniSZA
diredhai dan dirahmati oleh Allah serta
berkekalan sepanjang hayat.**

**#istiqamahbersilaturrahim
#alumnikuszaudmunisza
#timetogiveback**



SCAN ME

Istiqamah Bersilaturahmi

